

**KUALA LUMPUR 7 Mach —**  
**Hasrat Dr. Mahathir Mo-**  
**hamad untuk menyertai sa-mula**  
**UMNO saperti yang pernah di-**  
**bayangkan-nya beberapa ketika**  
**lalu, hari ini telah menjadi ke-**  
**nyataan bila Jawatankuasa Disi-**  
**plin Parti meluluskan permohon-**  
**an-nya.**

Dr. Mahathir ketika di-hubongi melalui talipon lewat petang ini telah menyatakan rasa shukur-nya atas keputusan tersebut.

Beliau berharap dengan penerimaan sa-mula beliau sa-bagai anggota UMNO itu akan membolehkan-nya bergerak lebih aktif dalam UMNO dan politik tanah ayer.

## SATU CHABARAN

Dr. Mahathir juga mensifatkan penerimaan sa-mula beliau menjadi ahli UMNO itu sa-bagai satu chabaran kepada-nya untuk berbuat sa-suatu yang lebih mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara.

Penerimaan sa-mula beliau sa-bagai ahli UMNO ada-lah berdasarkan surat-nya kepada Presiden UMNO, Tun Abdul Razak pada 6 Februari lalu.

Dalam surat itu, beliau telah memohon untuk memasoki sa-mula parti itu.

Bekas sa-orang ahli Jawatankuasa Tertinggi UMNO, Dr. Mahathir telah di-pechat dari UMNO pada bulan September 1969 lalu.

Jawatankuasa Disiplin Parti yang di-pengerusikan sendiri oleh Timbalan Presiden UMNO, Tun Dr. Ismail petang ini telah mengadakan sidang khas-nya di-Ibu Pejabat UMNO untuk meluluskan permohonan Dr. Mahathir itu.

Hadhir sama dalam sidang itu ia-lah ahli jawatankuasa tersebut terdiri dari Tan Sri Syed Nasir Ismail, Tan Sri Syed Jaafar Albar, Enche' Musa Hitam dan Setiausaha Agong UMNO Malaysia, Enche'

OLEH: RAMLEE SAAD  
 dan NORDIN MOHAMAD

Senu Abdul Rahman.

Sementara ahli2 jawatankuasa itu yang lain, Enche' Ghafar Baba, Tan Sri Ghazali Shafie dan Senator Aishah Ghani tidak hadir.

Enche' Senu memberitahu pemberita2 sa-lepas sidang itu bahawa penerimaan sa-mula Dr. Mahathir menyertai UMNO berdasarkan surat-nya kepada Tun Abdul Razak pada 6 Februari lalu.

Menurut Enche' Senu, dalam surat itu, Dr. Mahathir telah menyatakan sebab2 beliau memohon menjadi ahli UMNO sa-mula kerana dia maseh perchaya kepada dasar dan perjuangan UMNO.

Beliau menyatakan bahawa Majlis Tertinggi UMNO dalam sidangnya pada 15 Januari lalu telah mengarahkan Jawatankuasa Disiplin Parti supaya mengkaji dan membuat keputusan perhubung dengan permintaan Dr. Mahathir untuk menjadi ahli UMNO sa-mula.

Kata-nya lagi, sa-telah mengkaji perkara tersebut, maka Jawatankuasa itu telah mengambil keputusan bahawa Dr. Mahathir boleh di-terima menjadi ahli UMNO sa-mula.

## BEKAS AHLI

Menurut Enche' Senu, persidangan khas Jawatankuasa Disiplin Parti petang ini ada-lah bagi mengesahkan penerimaan dengan rasmi-nya Dr. Mahathir memasoki sa-mula dalam Parti UMNO.

Menjawab satu pertanyaan, Enche' Senu berkata bahawa terpujang-lah kepada Dr. Mahathir sendiri untuk menjadi ahli UMNO bahagian mana yang beliau suka.

Dr. Mahathir ada-lah bekas ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia telah di-pechat dari menjadi ahli biasa UMNO pada 26 September 1969.

Dr. Mahathir 47 tahun mula bergerak dalam bidang politik sejak tahun 1945 dan menjadi ahli jawatankuasa UMNO Kedah dalam tahun 1953-1958.

Beliau telah menang dalam pilihanraya Parlimen bagi kawasan Kota Setar Selatan dalam tahun 1964 dan telah di-pilih menjadi anggota Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1966-1968.

Beliau dalam pilihanraya pada 10 Mei 1969 beliau telah dikalahkan oleh chalu PAS Haji Yusoff bin Haji Abdullah di-kawasan yang sama.

Dr. Mahathir menyatakan bahawa beliau akan bergiat sa-mula dalam UMNO bahagian Kota Setar Selatan di-mana beliau ada-lah menjadi naib pengerusi bahagian itu sa-behum di-pechat dahulu.

Menurut-nya beliau telah membuat permohonan untuk menjadi anggota UMNO bahagian itu pada 13 Januari lalu.

Kata-nya kini beliau bolehlah menumpukan sa-penoh perhatian untuk menguatkan sa-mula bahagian tersebut sa-bagai mana di-masa2 lalu.

Sementara itu Ustaz Abdullah Afendi, Setiausaha Perhubungan UMNO Kedah telah menyatakan rasa besar hati-nya terhadap keputusan Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia menerima balek Dr. Mahathir menjadi ahli UMNO.

"Kita berharap UMNO Kedah akan bertambah kukuh lagi dengan mendapat pemimpin yang intelek dan berkallbar saperti Dr. Mahathir yang chukup matang menghadapi perjuangan — sa-telah menempoh berbagai chubaan di-masa lalu" tegas beliau.

Ketua UMNO bahagian Kota Setar Selatan Senator Haji Ali bin Haji Ismail ketika di-beritahu berkata, "saya menguchap tahniah kepada Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang telah menerima balek Dr. Mahathir dengan melupakan perkara2 yang lalu.